

UMP Valid8 sahkan ketulenan sijil

GAMBANG - Bagi memastikan ketulenan sijil dikeluarkan, **Universiti Malaysia Pahang (UMP)** mencipta teknologi rantaian blok (blockchain) dikenali sebagai UMP Valid8, menjadikannya universiti awam pertama memperkenalkan aplikasi itu.

Naib Canselornya, Prof Datuk Seri Dr Daing Nasir Ibrahim berkata, aplikasi berasaskan kod maklum balas pantas (QR Code) itu akan digunakan pertama kali ketika Konvokesyen ke-13 UMP melibatkan 2,773 graduan

Menurutnya, aplikasi itu dibangunkan Pusat Kece-merlangan IBM bersama kumpulan alumni UMP dengan kerjasama Fakulti Pengurusan Industri (FIM).

Katanya, ia mengelakkan sebarang penipuan atau pemalsuan ijazah yang dilaporkan sebelum ini.



Daing Nasir (dua, kiri) mencuba aplikasi UMP Valid8 ketika Majlis Konvokesyen kali ke-13 di Dewan Kompleks Sukan UMP, Gambang.

"Setiap sijil dikeluarkan akan dilengkapi satu QR Code unik bagi memastikan kesahihannya dengan memaparkan gambar graduan, nama penuh, program pengajian dan tahun anugerah.

"Code QR itu akan simpan semua maklumat graduan guna teknologi 'blockchain' yang akan jadi satu

rantaian rekod data 'blockchain' sulit

"Data graduan disimpan dalam bentuk 'blockchain' yang tidak dapat digodam," katanya ketika melancarkan UMP Valid8 di UMP Kampus Gambang, semalam.

Daing Nasir berkata, pihaknya turut memperkenalkan e-book.